

Keratan Akhbar bertarikh 12 Mei 2016

Kosmo

## Mangsa banjir di Dengkil mula dibenarkan pulang

**SEPANG** – Keadaan banjir di daerah ini yang mulai surut sejak Isnin lalu membolehkan kebanyakan mangsa yang ditempatkan di beberapa pusat pemindahan banjir dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Sepang, Azli Muhidin berkata, hanya satu pusat pemindahan iaitu Dewan Orang Ramai Taman Gemilang masih dibuka kepada orang awam bagi menem-



KERATAN Kosmo! 9 Mei 2016.

patkan seramai 99 mangsa banjir setakat ini.

"Pusat pemindahan Dewan Orang Ramai Taman Gemilang masih dibuka selepas air dilaporkan naik semula di kawasan Kampung Revolusi Hijau dan Kampung

Seri Tanjung, Dengkil di sini sejak pukul 10 pagi tadi (semalam)," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

*Kosmo!* semalam melaporkan, sebanyak empat buah pusat pemindahan di sekitar Selangor termasuk Dewan Orang Ramai Kampung Ampar Tenang, Balai Raya Rinching Hilir, Dewan Komuniti Taman Semenyih Indah dan Surau Ikhwanul Taman Semenyih Indah ditutup secara rasmi apabila banjir surut sejak malam Isnin lalu.